

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI
DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]**

TARIKH : 20 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membantu usahawan PKS yang terjejas akibat penularan wabak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengambil tindakan proaktif untuk membantu usahawan yang terjejas akibat penularan wabak pandemik COVID-19. MEDAC sebagai kementerian yang bertanggungjawab memastikan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan keusahawanan negara, telah membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi. Pelan pemulihan ini dibangunkan bertujuan menangani kesan yang dihadapi oleh para usahawan tempatan. Ianya telah dirangka untuk semua sektor perniagaan merangkumi perusahaan mikro, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), koperasi, *Social Entrepreneurship* (SE), *startup* dan sektor informal bagi memastikan kelestarian serta pemulihan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh masa yang optimum.

2. Antara langkah-langkah yang telah diambil dan akan dilaksanakan oleh MEDAC menerusi agensi-agensi di bawah kementerian merangkumi penyediaan pembiayaan kepada usahawan, penjadualan semula pinjaman dan penangguhan bayaran balik, moratorium, latihan serta bimbingan keusahawanan secara dalam talian dan pelaksanaan program berimpak tinggi. Pelan Pemulihan ini mengandungi **29 program jangka pendek dan sederhana di bawah enam (6) strategi** yang dijangka akan memanfaatkan lebih 20,000 penerima dan melibatkan **kos peruntukan yang dianggarkan sebanyak RM 362.79 juta bagi pelaksanaan tahun 2020 dan 2021.**

Sekian, terima kasih.